

UNIT 2

MANUSIA




INFO RINGKAS


Pembiakan Manusia

- 1 Manusia membiak untuk memastikan kemandirian spesiesnya.
- 2 Organ-organ pembiakan lelaki dan perempuan membentuk sistem pembiakan.

Organ Pembiakan Lelaki



Organ Pembiakan Perempuan



Proses Persenyawaan Manusia hingga Bayi Dilahirkan

- 1 Proses persenyawaan ialah percantuman sperma daripada lelaki dan ovum daripada perempuan.
- 2 Proses persenyawaan manusia hingga bayi dilahirkan adalah seperti berikut:
 - (a) Zakar menyalurkan **sperma** ke dalam faraj perempuan.
 - (b) Sperma berenang ke arah ovum dengan menggunakan ekornya. **Persenyawaan** berlaku apabila satu sperma bercantum dengan satu ovum.
 - (c) Ovum yang telah disenyawakan dengan sperma dikenali sebagai **zigot** yang akan membahagi dan membentuk **embrio**.
 - (d) Embrio akan berkembang di dalam uterus dan membentuk **fetus**.
 - (e) Fetus dilahirkan melalui faraj setelah kurang lebih sembilan bulan dan ianya dikenali sebagai **bayi**.
- 3 Kepentingan pembiakan adalah untuk **menambah bilangan populasi** dan **mengelakkan kepupusan**.

Sistem Saraf Manusia

- 1 Terdapat dua sistem, iaitu:
 - (a) **Sistem saraf pusat** yang terdiri daripada otak dan saraf tunjang.
 - (b) **Sistem saraf periferi** yang terdiri daripada rangkaian saraf.
- 2 Sistem saraf pusat: Menerima maklumat dari organ deria dan mengkoordinasi gerak balas.
 - (a) Otak: Mengkoordinasi tindakan terkawal dan luar kawal
 - (b) Saraf tunjang: Membawa maklumat dari seluruh tubuh ke otak dan dari otak ke seluruh tubuh serta mengawal tindakan refleks
- 3 Sistem saraf periferi: Menghantar isyarat dari bahagian tubuh ke sistem saraf pusat dan menghantar isyarat dari sistem saraf pusat ke bahagian tubuh yang lain.
- 4 Langkah-langkah menjaga sistem saraf:
 - (a) Makan makanan yang seimbang
 - (b) Elakkan minum minuman beralkohol
 - (c) Tidur yang mencukupi
 - (d) Memakai alat pelindung tubuh
 - (e) Menjalankan aktiviti harian dengan postur yang betul